

**NO. SOALAN : 114**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG  
[ KLUANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah untuk mengelakkan catuan air yang telah berlaku pada Mac 2014 di Malaysia (termasuk Kluang) daripada berulang menjelang fenomena El-Nino tahun ini. dari segi jangka panjang, nyatakan langkah-langkah mitigasi Kerajaan dalam menangani masalah keselamatan air (water security) ekoran fenomena perubahan iklim secara terperinci mengikut badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Keadaan bekalan air yang meruncing yang dihadapi di beberapa buah negeri adalah berpunca daripada kekurangan sumber air mentah berikutan cuaca panas dan kering yang telah melanda negara sejak awal tahun ini. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan juga operator-operator air di setiap negeri sentiasa memantau keadaan cuaca dan sumber air mentah yang boleh menyebabkan masalah kekurangan bekalan air terawat.
  
2. Usaha utama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas sumber air ialah meningkatkan simpanan air mentah melalui operasi pembenihan awan dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negera (MKN), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM). Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) juga telah mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri membuat persediaan sewajarnya bagi memastikan kecukupan sumber air mentah

menjelang Monsun Barat Daya dan fenomena *El Nino* yang dijangka akan berlaku kelak.

3. Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini yang dianggotai pelbagai Kementerian dan agensi dijangka akan mengadakan mesyuarat pertama pada pertengahan bulan Jun 2014.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 115**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [SUNGAI PETANI] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah pelarian politik atau pemohon suaka yang ditahan oleh pihak berkuasa hingga Mei 2014; dan
- (b) apakah prosedur bagi mengendalikan pelarian politik atau pemohon suaka kanak-kanak.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktirafkan status ‘pelarian’ termasuk ‘pelarian’ politik dan juga pemohon suaka termasuk pemohon suaka kanak-kanak memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini. Dasar Negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas “satu kes ke satu kes” (*case to case basis*).

Mana-mana pemegang kad UNHCR tidak berhak menuntut apa-apa hak di sisi undang-undang seperti yang termaktub dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967 atau mana-mana triti antarabangsa berkaitan pelarian yang mana Malaysia tidak menjadi Negara Ahli.

Dasar Negara ini hendaklah tidak dianggap sebagai memberi sebarang pengiktirafan secara rasmi oleh Kerajaan terhadap penubuhan pejabat UNHCR di Malaysia.

Berpandukan kepada dasar sedia ada mengenai pelarian, tiada penahanan di buat keatas pelarian politik ataupun pemohon suaka kecuali PATI. Namun sebagai maklumat berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur

sehingga 31 April 2014, terdapat 144,298 orang PATI yang memegang kad UNHCR di Malaysia seperti pecahan berikut:

NEGARA	PEMOHON SUAKA	PELARIAN	JUMLAH
Myanmar	40,791	93,038	133,829
Afghanistan	128	177	305
Iran	358	219	577
Iraq	236	537	773
Pakistan	647	190	837
Palestine	140	266	406
Somalia	216	901	1,117
Sri Lanka	2,487	1,810	4,297
Syria	750	164	914
Yemen	289	40	329
Lain-lain	348	566	914
<b>Jumlah</b>	<b>46,390</b>	<b>97,908</b>	<b>144,298</b>

UNHCR sebagai badan yang memberikan status PATI yang memegang kad UNHCR juga bertanggungjawab untuk menjaga PATI yang memegang kad ini dari segi kebijakan, kehidupan harian, kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.